



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

AHAD, 21 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>KAUNSELOR KPWKM TANGANI ISU KANAK-KANAK DISYAKI DIBULI</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1236861/kaunselor-kpwkm-tangani-isu-kanak-kanak-disyaki-dibuli">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1236861/kaunselor-kpwkm-tangani-isu-kanak-kanak-disyaki-dibuli</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1081768/kaunselor-kpwkm-tangani-isu-kanak-kanak-disyaki-dibuli">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1081768/kaunselor-kpwkm-tangani-isu-kanak-kanak-disyaki-dibuli</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/04/20/nancy-ministry-already-responded-to-kajang-case-of-minor-suspected-of-injuring-eight-year-old-girl-at-babysitters/">https://www.theborneopost.com/2024/04/20/nancy-ministry-already-responded-to-kajang-case-of-minor-suspected-of-injuring-eight-year-old-girl-at-babysitters/</a>	THEBORNEOPOST.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jkm-tunggu-siasatan-lengkap-polis-sebelum-ambil-tindakan-lanjut-x8x5ml0">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jkm-tunggu-siasatan-lengkap-polis-sebelum-ambil-tindakan-lanjut-x8x5ml0</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=ihCntcHZLYM">https://www.youtube.com/watch?v=ihCntcHZLYM</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>KOMUNITI DI SARAWAK DIGALAKKAN MOHON TUBUH PAWE - NANCY</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2289706">https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2289706</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/politik-x7sio1/komuniti-di-sarawak-digalakkan-mohon-tubuh-pawe-nancy-x8x5u7s">https://www.astroawani.com/videos/politik-x7sio1/komuniti-di-sarawak-digalakkan-mohon-tubuh-pawe-nancy-x8x5u7s</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/20/nancy-galak-komuniti-di-sarawak-mohon-tubuh-pawe">https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/20/nancy-galak-komuniti-di-sarawak-mohon-tubuh-pawe</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://suarasarawak.my/penuhuan-pawe-digalakkan-dalam-komuniti-setempat-nancy-shukri/">https://suarasarawak.my/penuhuan-pawe-digalakkan-dalam-komuniti-setempat-nancy-shukri/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-provides-financial-assistance-to-pawe/">https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-provides-financial-assistance-to-pawe/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/04/20/nancy-swak-communities-urged-to-set-up-more-senior-citizen-activity-centres/">https://www.theborneopost.com/2024/04/20/nancy-swak-communities-urged-to-set-up-more-senior-citizen-activity-centres/</a>	THEBORNEOPOST.COM
	<a href="https://dayakdaily.com/ministry-supports-proposal-for-more-senior-citizen-activity-centres-in-sarawak-to-allocate-up-to-rm100k-aid-per-year/">https://dayakdaily.com/ministry-supports-proposal-for-more-senior-citizen-activity-centres-in-sarawak-to-allocate-up-to-rm100k-aid-per-year/</a>	DAYAKDAILY.COM
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2289694">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2289694</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=hhwpxTmNkqM">https://www.youtube.com/watch?v=hhwpxTmNkqM</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/703022">https://www.malaysiakini.com/news/703022</a>	MALAYSIAKINI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>KPWKM SEDIA BERI BANTUAN KEPADA INDIVIDU YANG BERHADAPAN MASALAH</b>	

<https://www.tvsarawak.my/2024/04/20/kpwkm-sedia-beri-bantuan-kepada-individu-yang-berhadapan-masalah/>

TVSARAWAK.MY

<https://www.youtube.com/watch?v=PwisNxOj6SQ>

YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>BERITA 757   HENTI PREJUDIS GANGGUAN SEKSUAL TERHADAP LELAKI</b>	

<https://www.youtube.com/watch?v=5Ekd0fcDYCU>

YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>JANGAN KERANA SAYANG, SANGGUP DIPUKUL, DIDERA</b>	

<https://www.kosmo.com.my/2024/04/20/jangan-kerana-sayang-sanggup-dipukul-didera/>

KOSMO.COM.MY

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/20/ngos-be-more-responsive-when-victims-file-police-reports>

THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>GOOD-BYE TO LIFE UNDER THE UMBRELLAS AS ELDERLY COUPLE FIND NEW HOME</b>	

<https://www.malaysianow.com/news/2024/04/20/good-bye-to-life-under-the-umbrellas-as-elderly-couple-find-new-home>

MALAYSIANOW.COM



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>RUMAH MUSNAH DIHEMPAP POKOK DURIAN BERUSIA LEBIH 80 TAHUN</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1237007/rumah-musnah-dihempap-pokok-durian-berusia-lebih-80-tahun">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1237007/rumah-musnah-dihempap-pokok-durian-berusia-lebih-80-tahun</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/rumah-musnah-dihempap-pokok-durian/">https://www.buletintv3.my/nasional/rumah-musnah-dihempap-pokok-durian/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/660559/berita/semasa/rumah-ranap-dihempap-pokok-durian#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/660559/berita/semasa/rumah-ranap-dihempap-pokok-durian#google_vignette</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>WANITA SIMBAH AIR PANAS PADA PEMUDA OKU DIREMAN</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/04/20/wanita-simbah-air-panas-pada-pemuda-oku-direman/">https://www.kosmo.com.my/2024/04/20/wanita-simbah-air-panas-pada-pemuda-oku-direman/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/wanita-simbah-air-panas-ke-arah-lelaki-oku-direman-4-hari/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/wanita-simbah-air-panas-ke-arah-lelaki-oku-direman-4-hari/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=uv1_M5ECCss">https://www.youtube.com/watch?v=uv1_M5ECCss</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/04/20/wanita-simbah-air-panas-selalu-buat-kacau-penduduk/">https://www.kosmo.com.my/2024/04/20/wanita-simbah-air-panas-selalu-buat-kacau-penduduk/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/660481/berita/semasa/wanita-ditahan-bantu-siasatan-kes-simbah-air-panas">https://www.sinarharian.com.my/article/660481/berita/semasa/wanita-ditahan-bantu-siasatan-kes-simbah-air-panas</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1236844/kes-simbah-oku-dengan-air-panas-wanita-kena-reman-4-hari">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1236844/kes-simbah-oku-dengan-air-panas-wanita-kena-reman-4-hari</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1081754/wanita-simbah-air-panas-pada-jiran-direman">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1081754/wanita-simbah-air-panas-pada-jiran-direman</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-ditahan-bantu-siasatan-kes-simbah-oku-dengan-air-panas-467171">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-ditahan-bantu-siasatan-kes-simbah-oku-dengan-air-panas-467171</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/20/wanita-simbah-air-panas-terhadap-lelaki-oku-ditahan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/20/wanita-simbah-air-panas-terhadap-lelaki-oku-ditahan/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/simbah-lelaki-oku-dengan-air-panas-suspek-wanita-ditahan/">https://www.buletintv3.my/nasional/simbah-lelaki-oku-dengan-air-panas-suspek-wanita-ditahan/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1236822/wanita-suspek-simbah-air-panas-ditahan">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1236822/wanita-suspek-simbah-air-panas-ditahan</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/wanita-simbah-air-panas-pada-jiran-oku-direman-4-hari/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/wanita-simbah-air-panas-pada-jiran-oku-direman-4-hari/</a>	BULETINTV3.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/4/2024


<https://www.tvsarawak.my/2024/04/20/wanita-simbah-air-panas-dalam-lif-dicekup-polis/>

TVSARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>LELAKI DITAHAN CABUL KAKAK TEMAN WANITA</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/lelaki-ditahan-cabul-kakak-teman-wanita/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/lelaki-ditahan-cabul-kakak-teman-wanita/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/660544/berita/semasa/wanita-oku-dicabul-teman-lelaki-kakak">https://www.sinarharian.com.my/article/660544/berita/semasa/wanita-oku-dicabul-teman-lelaki-kakak</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/04/20/pencuci-kolam-cabul-kakak-kepada-teman-wanita-diberkas/">https://malaysiagazette.com/2024/04/20/pencuci-kolam-cabul-kakak-kepada-teman-wanita-diberkas/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/04/20/teman-lelaki-adik-cabul-kakak-oku-bawah-tangga-dicekup/">https://www.kosmo.com.my/2024/04/20/teman-lelaki-adik-cabul-kakak-oku-bawah-tangga-dicekup/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://malaysiapost.com.my/2024/04/20/kekasih-adik-ditahan-cabul-kakak-oku/">https://malaysiapost.com.my/2024/04/20/kekasih-adik-ditahan-cabul-kakak-oku/</a>	MALAYSIAPOST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>DIJANJIKAN PEKERJAAN, REMAJA TERPEDAYA, DIPERKOSA</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1081805/dijanjikan-pekerjaan-remaja-terpedaya-diperkosa">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1081805/dijanjikan-pekerjaan-remaja-terpedaya-diperkosa</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/20/cops-nab-man-for-allegedly-raping-underage-girl-during-039job-interview039">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/20/cops-nab-man-for-allegedly-raping-underage-girl-during-039job-interview039</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/04/20/remaja-perempuan-jadi-mangsa-rogol-ditipu-tawaran-pekerjaan/">https://www.kosmo.com.my/2024/04/20/remaja-perempuan-jadi-mangsa-rogol-ditipu-tawaran-pekerjaan/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1236918/peniaga-positif-dadah-didakwa-rogol-remaja-selepas-tawar-kerja">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1236918/peniaga-positif-dadah-didakwa-rogol-remaja-selepas-tawar-kerja</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/04/20/remaja-termakan-janji-palsu-tawaran-kerja-diperkosa-di-hotel/">https://malaysiagazette.com/2024/04/20/remaja-termakan-janji-palsu-tawaran-kerja-diperkosa-di-hotel/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>DATUK, 71, ROGOL CUCU, 7, DIPENJARA 29 TAHUN, SEBATAN</b>	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/232748/datuk-71-rogol-cucu-7-dipenjara-29-tahun-sebatan/">https://www.dailyexpress.com.my/news/232748/datuk-71-rogol-cucu-7-dipenjara-29-tahun-sebatan/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY



## Kaunselor KPWKM tangani isu kanak-kanak disyaki dibuli

Oleh Mohd Roji Kawi - April 20, 2024 @ 12:13pm  
[mdroji@bh.com.my](mailto:mdroji@bh.com.my)



Nancy beramah mesra dengan pengunjung pada Majlis Mesra KPWKM Bersama Kumpulan Sasar di Kuching, hari ini. - Foto NSTP/Nadim Bokhari

KUCHING : Kaunselor Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sudah menangani kes

seorang kanak-kanak berusia lapan tahun yang dipercayai menjadi mangsa buli anak jiran di Hulu Langat, Selangor.

Menteri KPWKM, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata ia tindakan awal yang diambil pihaknya sebaik menerima maklumat berhubung kejadian itu.

Justeru, beliau menafikan dakwaan di media sosial bahawa pihaknya tidak respon terhadap kes yang tular itu.

"Apabila mengetahui satu-satu kes pegawai dan kaunselor kami yang terlatih akan segera menanganinya.

"Dalam kes itu, semuanya sudah kami tangani, tetapi ada yang mendakwa kami tidak respon, itu silap sebab kami sudah bertindak segera sebaik mengetahuinya dan sekarang kes itu dalam siasatan polis," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Mesra KPWKM Bersama Kumpulan Sasar di sini, hari ini.

Seramai 3,500 kumpulan sasaran terdiri daripada penghuni rumah kanak-kanak, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) diraikan pada majlis berkenaan.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, pihaknya juga masih menunggu hasil siasatan polis mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2002 untuk memastikan kemungkinan ada unsur pengabaian dalam kes berkenaan.

"Selepas hasil siasatan polis diperoleh (jika berlaku pengabaian) kita akan mengambil langkah seterusnya termasuk mendapatkan perintah mahkamah," katanya.

Semalam polis mengesahkan menerima laporan kejadian kanak-kanak berusia lapan tahun, dipercayai menjadi mangsa buli anak jiran di Hulu Langat, di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang, Superintenden Mohamad Nasir Drahrman, berkata pihaknya menerima laporan itu daripada pengasuh mangsa pada 11 April lalu.

Menurutnya, berdasarkan pemeriksaan awal, mangsa didapati mengalami kecederaan di kaki dan polis mengenal pasti empat hingga lima suspek berusia antara enam dan lapan tahun.


Sementara itu, mengenai perkembangan siasatan terhadap dua pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang didakwa biadap terhadap pasangan gelandangan di Kuala Lumpur, Nancy, berkata masa dua minggu diperlukan bagi melengkapkan siasatan itu.

"Tunggu seminggu lagi. Siasatan baru dijalankan minggu ini dan ia perlu dijalankan dengan teliti.

"Siasatan itu dikendalikan pegawai dari pejabat saya (pejabat Menteri KPWKM)," katanya.

Menurutnya lagi, pasangan warga emas itu juga sudah ditempatkan di rumah transit yang disediakan oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dengan beberapa bantuan lain turut disalurkan.

Sebelum ini, sebuah portal berita melaporkan seorang wanita mendakwa dia dan suaminya yang menjadi gelandangan di kaki lima berdekatan sebuah kompleks komersil di Kuala Lumpur dilayan dengan tidak sewajarnya oleh pegawai JKJ.



## KOMUNITI DI SARAWAK DIGALAKKAN MOHON TUBUH PAWE - NANCY



20/04/2024 01:02 PM


KUCHING, 20 April (Bernama) – Komuniti setempat di Sarawak digalakkan untuk membuat permohonan bagi penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di kawasan mereka.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata buat masa ini, Sarawak hanya mempunyai 13 PAWE dan jumlah itu tidak mencukupi bagi sebuah negeri yang besar.

Beliau berkata permohonan boleh dibuat kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan setiap Parlimen dibenarkan untuk membuka lebih satu PAWE.

"Pusat PAWE ini adalah untuk warga emas berkumpul melakukan aktiviti seperti keagamaan, rekreasi dan juga aktiviti ekonomi seperti perniagaan," katanya kepada pemberita semasa Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bersama kumpulan sasaran kementeriannya di sini hari ini.

Nancy berkata selain itu, bantuan berkaitan dengan PAWE juga akan diberikan tidak lebih RM100,000 setahun kepada komuniti yang menubuhkan rumah warga emas itu.



Datuk Seri Nancy Shukri berkata kementeriannya sedia untuk memberikan bantuan seperti kewangan kepada golongan yang layak. Foto Zaim Zharfan (TVS)

## KPWKM sedia beri bantuan kepada individu yang berhadapan masalah

By Adlina Rahman #bm, Berita Sarawak April 20, 2024 1:55 PM

KUCHING, 20 April: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedia beri bantuan kepada golongan sasaran dari sudut kebajikan masyarakat.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata kementeriannya sedia untuk memberikan bantuan seperti kewangan tidak melebihi RM 100,000 setahun jika menerima permohonan daripada golongan itu.

Katanya, selain itu pihaknya turut bersedia memberi bantuan berbentuk khidmat dari pegawai kementerian dan kaunseling untuk menangani kes-kes tertentu yang memerlukan.


"Sebenarnya apabila kita mengetahui berkenaan satu-satu kes, pegawai, pelindung serta kaunselor akan menangani mereka. Setiap kes memang sentiasa kita santuni dan ini memang perkara yang biasa kita lakukan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Ramah Mesra KPWKM Bersama Kumpulan Sasaran di Dewan SABATI di sini, hari ini. Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Mohammad Asfia Awang Nasar.

Nancy turut menangkis dakwaan sesetengah pihak di media sosial bahawa KPWKM tidak memberi respon terhadap sesetengah isu yang dibangkitkan.

"Ada yang mengatakan dalam laman X, KPWKM tidak memberi sebarang respon tetapi sebenarnya kita dah respon. Namun adakala sesetengah orang lupa untuk memaklumkan bahawa kami sudah memberi respon," jelasnya.

Pada majlis tersebut, dianggarkan lebih 3,500 golongan sasaran hadir dan menerima bantuan daripada KPWKM. – TVS



## Jangan kerana sayang, sanggup dipukul, didera

Oleh SUHANA MD YUSOP 20 April 2024, 9:00 am



Luluh hati saat membaca kisah seorang bayi lelaki berusia enam bulan menemui ajal dengan kesan kecederaan di kepala dipercayai akibat perbuatan bapa kandungnya.

Menurut laporan Kosmo!, bayi berkenaan dikatakan bukan sahaja dihentak pada sofa, malah mulut disumbat dengan kain selain dibiarkan dalam keadaan tertangkup dalam bilik.

Tindakan di luar kotak pemikiran itu dikatakan dilakukan suspek dipercayai ekor tidak tahan mendengar tangisan bayi berkenaan. Sudah namanya bayi, apa yang boleh dibuat selain menangis, merengek dan tidur.

Menurut laporan akhbar itu lagi, ibu mangsa mendakwa, kejadian malam itu bukan pertama kali anaknya diperlakukan dengan perbuatan tidak masuk akal dan setiap kali dia mempertahankan zuriatnya pasti dirinya juga akan dipukul sehingga 'lunyai'.

Sama seperti satu kisah di Ampang apabila seorang wanita mengalami lebam di kepala dan tangan akibat dipukul suami selepas menegur lelaki itu memarahi anak di meja makan.

Kemarahan lelaki itu memuncak apabila dia dikatakan bertindak masuk ke bilik dan mengeluarkan parang selepas melihat isterinya mahu keluar rumah bersama anak-anak mereka menyelamatkan diri.

Kisah ini bukan pertama kali tetapi acap kali dihidangkan kepada masyarakat di luar sana. Malah, setiap hari pasti ada kes wanita, anak-anak kecil didera, cuma ia ditularkan mahupun disimpan rapi si mangsa dan pelaku.

Statistik menunjukkan, majoriti mangsa keganasan rumah tangga adalah isteri dan sebahagian dilepaskan kepada anak-anak kecil.

Setiap perbuatan penderaan adakalanya berpunca daripada sikap mudah marah, cepat melenting sehingga membawa kepada pelbagai situasi tidak terjangka.

Lebih teruk lagi apabila emosi itu boleh melukakan hati orang lain. Sikap mudah marah boleh membawa kepada panas baran yang tidak dapat dikawal.

Adakalanya kemarahan itu sampai mencederakan dan paling tragis kehilangan nyawa.

Menurut penulis, kes sebegini boleh diatasi jika mangsa membuat aduan, keluarga mengambil perhatian dan jiran tetangga menjadi 'kaki sibuk' untuk hal-hal positif.


Namun, kes semakin meningkat apabila terdapat wanita yang sanggup membiarkan tubuhnya disakiti, didera fizikal dan mental, dihina kerana mahu ikatan perkahwinan terus termeterai. Mereka tidak mahu memilih perceraian.

Wanita ini sentiasa mahu memberi peluang kepada suami, berharap berubah selain tidak sanggup ahli keluarga ke penjara biarpun tanda-tanda redflag pasangan sangat nyata. Suka marah, pukul, cemburu buta dan sebagainya.

Malah, ada yang sanggup menarik laporan polis yang dibuat ke atas pelaku keganasan rumah tangga kerana sayang.

Sewajarnya wanita yang menyedari tanda-tanda toksik dalam rumah tangga, angkat kaki sekiranya terus-terusan menjadi mangsa bukannya bertahan dan membiarkan diri menjadi punching bag.

Dapatkanlah bantuan dengan pihak polis mahupun pertubuhan bukan kerajaan. Jangan biarkan diri diperlakukan tidak selayaknya. Kerana sayang, mungkin nyawa lain akan melayang.



## Good-bye to life under the umbrellas as elderly couple find new home

*Zaleha Haron and her husband spent six months living rough in Kuala Lumpur but finally have a roof over their heads.*

MalaysiaNow | April 20, 2024 9:29 AM



*Zaleha Haron and her husband settle into the rented room they call home in Kuala Lumpur.*

Six months ago, Zaleha Haron and her husband were living on the streets of Kuala Lumpur after being thrown out of the house by their own son.

Last week, they were harassed by officers from the Social Welfare Department (JKM) who took them to a bus terminal and threatened to send them to Johor.

Today, though, they have a roof over their heads in the form of a rented room near the vicinity of the Kota Raya complex in the capital city.

- Advertisement -

Their move from the streets was made possible by several agencies, which stepped up its efforts following news of two JKM officers who tried to evict them from the only home the elderly couple had left.

Now, they begin each day in the room instead of under leaky umbrellas, thanks to Yayasan Kebajikan Negara and the Women, Family and Community Development Ministry.

They have also received essentials and some cash with which to rebuild their lives.

"I cannot tell you how grateful I am to everyone who has helped us," Zaleha told MalaysiaNow, fighting back tears.

"For so long we were on the pavement. Today, we are in a room where we can rest, shower and pray. Thank you, Allah."

To receive kindness from others was almost unreal to the couple, who had spent the last six months fending for themselves.

But Zaleha is determined not to continue depending on the goodwill of strangers in order to get by.



*Zaleha Haron and her husband carry their personal belongings accompanied by representatives from Yayasan Kebajikan Negara as they make way to their rented room in Kuala Lumpur.*

Although she is no longer young, she believes she still has what it takes to earn enough to support herself and her husband, who suffers from depression.

The rented room is close enough for her to continue her work as a dishwasher at a nearby restaurant.

"I want to keep working so that I can collect enough money for food and some savings," she said.

Still, a number of agencies have come forward seeking monthly support for Zaleha and her husband.

And JKM, which became the target of many following news of how its officers had treated the couple, has set up a special team to investigate the incident.

Meanwhile, MalaysiaNow has been inundated with calls and emails from people who, touched by the simple story of an elderly couple struggling to get by, wish to lend a helping hand as well.

But while Zaleha's story might have closed its chapter on hardship and homelessness, countless others continue to face the harsh realities of urban poverty.

These are the stories that MalaysiaNow will be telling in the weeks to come.



## Rumah musnah dihempap pokok durian berusia lebih 80 tahun

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap - April 20, 2024 @ 5:25pm  
bhnews@bh.com.my



Keadaan rumah Norhaslilee yang musnah akibat dihempap pokok durian sebesar di Kampung Petaseh Jelatang. - NSTP/ABNOR HAMIZAM ABD MANAP

**JELERU:** Sebuah rumah musnah dihempap sebatang pokok durian setinggi kira-kira 19 meter berusia lebih 80 tahun yang tumbang ketika hujan lebat dan ribut petir melanda Kampung Petaseh Jelatang, di sini, semalam.

Kejadian kira-kira jam 5.30 petang itu turut memusnahkan pelbagai peralatan elektrik, perabot dan sebuah motosikal, manakala sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Nissan Serena pula mengalami kerosakan, menyebabkan penghuni kediaman terbabit, Norhaslilee Ibrahim, 47, mengalami kerugian dianggarkan mencecah RM100,000.

Norhaslilee berkata, insiden berlaku ketika beliau sedang berniaga di Senawang dan suaminya bekerja di Johor Bahru, sebelum menerima panggilan telefon kira-kira jam 5.40 petang daripada jiran yang memaklumkan perkara itu.

Katanya, beliau mahu bergegas pulang untuk melihat keadaan rumah tetapi dinasihatkan tidak berbuat sedemikian berikutan faktor cuaca ketika itu.

"Saya hanya mampu bertenang sebelum pulang melihat keadaan rumah, pagi tadi. Saya memang terkejut melihat keadaan sangat teruk dan mustahil untuk dibaik pulih.

"Mujur ketika kejadian, kami tidak berada di rumah. Anak perempuan berusia 16 tahun berada di asrama, manakala anak bongsu pula mengikut saya berniaga.

"Atap rumah kami masih baru berganti yang membabitkan kos RM6,000 selepas kerajaan (ketika itu) membenarkan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika negara berdepan pandemik COVID-19," katanya

Buat masa ini, beliau berkata, mereka akan ditempatkan di inap desa berhampiran sementara menunggu sebuah bengkel berdekatan kediamannya yang musnah, dibaik pulih untuk dijadikan rumah sementara.

Pelbagai pihak termasuk anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kerja Raya, UMNO Bahagian Jelebu dan penduduk kampung, bergotong-royong menjalankan kerja pembersihan bermula jam 8.30 pagi tadi.

Sementara itu Penghulu Mukim Pertang, Mohd Zaffarin Abdul Malek, berkata pembinaan semula rumah berkenaan akan diputuskan pada mesyuarat nanti bagi menentukan sama ada ia menggunakan peruntukan daripada Tabung Bencana Darurat Negeri atau Pejabat Parlimen.

Bagaimanapun, beliau berkata, keutamaan ketika ini ialah memastikan kebajikan ahli keluarga yang terjejas, termasuk mendapatkan penempatan sementara.

"Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Jelebu juga sudah dimaklumkan mengenai kejadian itu," katanya.



## Wanita simbah air panas pada pemuda OKU direman

Oleh NOOR HASLIZA NUSI 20 April 2024, 12:36 pm



Suspek wanita yang menyimbah air panas ke arah pemuda OKU Sindrom Down direman empat hari, bermula hari.

BALIK PULAU – Wanita yang disyaki bertindak menyimbah air panas ke arah pemuda orang kelainan upaya (OKU) Sindrom Down, semalam telah ditahan reman selama empat, bermula hari ini.

Permohonan reman ke atas wanita berusia 39 tahun itu dilakukan di Mahkamah Majistret Balik Pulau, sebentar tadi.

Pemangku Ketua Polis Daerah Barat Daya, Deputy Superintendan Jafri Md Zain berkata, polis telah mendapat perintah tahanan reman ke atas wanita terbabit bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan.

Menurutnya, punca kejadian suspek menyimbah air panas ke arah mangsa masih dalam siasatan.

"Belum dapat disahkan lagi sama ada suspek mempunyai masalah kesihatan mental mahupun sebaliknya. Siasatan lanjut akan dijalankan," katanya kepada Kosmo! di sini, sebentar tadi.

Terdahulu, Kosmo! Online melaporkan suspek wanita tersebut sudah ditahan polis di kawasan berhampiran lokasi kejadian di sebuah pangsapuri di Bayan Lepas, malam tadi.

Penahanan wanita terbabit dilakukan sepasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya (IPDBD) kurang empat jam kejadian itu tular di media sosial, petang semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 9.24 pagi itu, mangsa berusia 33 tahun itu disahkan mengalami kecederaan melecur pada sebahagian belakang dan depan badan sebelah kanan akibat disimbah dengan air panas dan bukannya asid.

Kejadian berlaku ketika mangsa berada bersama suspek di dalam lif perumahan berkenaan. -KOSMO! ONLINE



## Lelaki ditahan cabul kakak teman wanita



Oleh NURAINA HANIS ABD. HALIM : 20 April 2024, 4:31 pm

KUALA LUMPUR: Tindakan seorang pencuci kolam mencabul kakak teman wanitanya yang berstatus orang kurang upaya (OKU) tanpa kerelaan mengundang padah apabila ditahan dalam kejadian di Ampang Jaya, Isnin lalu.

Mangsa yang berusia 29 tahun itu pada mulanya diajak lelaki berkenaan untuk berjalan-jalan menaiki motosikal kira-kira 9.30 malam 15 April lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Superintendan Nazruel Ekram Abu Saare berkata, selepas selesai meronda, suspek mengajak mangsa untuk pergi ke kawasan tangga di belakang lif pangsapuri di Bandar Baru Ampang dekat sini.

"Ketika di tangga, suspek bertindak mencabul mangsa. Mangsa kemudian menceritakan kejadian yang berlaku kepada adiknya yang juga teman wanita lelaki terbabit.

"Susulan itu, laporan yang dibuat dan polis berjaya menahan suspek berusia 38 tahun kerana disyaki terbabit dalam kejadian berkenaan, Rabu lalu," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, hasil pemeriksaan telefon pintar suspek juga didapati turut menyimpan gambar dan video lucah.

"Ujian saringan air kencing ke atas suspek mendapati negatif penggunaan dadah namun suspek mempunyai empat rekod jenayah lampau.

"Suspek kini direman selama empat hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan dan Seksyen 292 Kanun Keseksaan," katanya.- UTUSAN



## Dijanjikan pekerjaan, remaja terpedaya, diperkosa

Hafidzul Hilmi Mohd Noor  
hafidzul@hmetro.com.my



GAMBAR Hiasan

Ampang Jaya: Remaja perempuan berdepan detik hitam apabila dirogol seorang lelaki yang menawarkan pekerjaan kepadanya di sebuah hotel di Taman Dagang, di sini, Selasa lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Superintendan Nazruel Ekram Abu Saare berkata, mangsa yang berusia 17 tahun mengatakan ditarik secara paksa oleh suspek untuk masuk ke dalam hotel berkenaan kira-kira 2 pagi.

Menurutnya, trauma dengan kejadian itu mangsa nekad untuk tampil membuat laporan polis.

"Mangsa memaklumkan dirogol sebanyak dua kali oleh suspek di hotel yang sama.

"Hasil siasatan mendapati, punca kejadian berlaku apabila mangsa dijanjikan pekerjaan oleh suspek dan diajak untuk berjumpa dengan majikan. Namun suspek merogol mangsa tanpa kerelaan mangsa," katanya dalam kenyataan, hari ini.


Susulan itu, Nazruel berkata, pihaknya berjaya menahan suspek lelaki tempatan berusia 36 tahun yang bekerja sebagai peniaga di Ulu Langat, 17 April lalu.

"Hasil ujian air kencing ke atas suspek didapati positif dadah jenis Amphetamine, dan Methamphetamine," katanya.

Katanya, reman terhadap suspek dibenarkan selama enam hari bermula Khamis lalu sehingga Selasa ini.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 merujuk kepada amang seksual terhadap kanak-kanak.

"Hukuman Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 hendaklah dihukum dengan pemenjaraan maksimum 20 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat," katanya.



## Datuk, 71, rogol cucu, 7, dipenjara 29 tahun, sebatan

Published on: Saturday, April 20, 2024  
By: Cynthia D Baga



*Kesalahan mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan itu membawa hukuman penjara antara lapan dan 30 tahun, dan sekurang-kurangnya 10 kali sebatan rotan, jika sabit kesalahan.*

**KOTA KINABALU:** Seorang datuk berusia 71 tahun yang merogol dan melakukan amang seksual terhadap cucunya yang berusia tujuh tahun, dihukum penjara berjumlah 29 tahun dan dikenakan 13 kali sebatan rotan.

Hakim Mahkamah Sesyen Elsie Primus menjatuhkan hukuman itu ke atas lelaki terbabit yang mengaku bersalah atas dua pertuduhan yang dikenakan terhadapnya pada Jumaat.

Bagi pertuduhan pertama, lelaki itu dipenjara 20 tahun serta 11 kali sebatan rotan kerana merogol kanak-kanak umur itu pukul 7.30 malam pada 27 Dis, 2023 di anjung sebuah rumah di Kota Marudu.

Kesalahan mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan itu membawa hukuman penjara antara lapan dan 30 tahun, dan sekurang-kurangnya 10 kali sebatan rotan, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua, dia dipenjara sembilan tahun lagi dan diperintah dikenakan dua kali sebatan rotan kerana melakukan gangguan seksual terhadap mangsa yang sama dengan meletakkan alat sulitnya pada alat sulit kanak-kanak itu di dapur rumah sama pada hari dan masa sama.

Mahkamah memerintahkan lelaki itu menjalani hukuman penjara itu secara serentak dari tarikh sabitan pada Jumaat.

Ketika menjalani hukuman penjara, lelaki itu turut diperintah menjalani kaunseling dan selepas menjalani hukuman itu, dia diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun.

Semasa mitigasi, lelaki yang tidak diwakili itu, merayu hukuman ringan dengan mengatakan bahawa dia sudah menyesal dengan perbuatannya terhadap cucunya.

Dia meminta hukuman yang sangat ringan kerana dia sudah tua dan sakit.

Menurut lelaki itu, kesalahannya turut menjejaskan keluarganya.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Siti Hajar Mazlan menggesa mahkamah menjatuhkan hukuman berat atas alasan ia merupakan kesalahan serius kerana lelaki itu merogol cucunya sendiri.

Siti berhujah sebagai seorang datuk, lelaki itu sepatutnya melindungi mangsa dan bukan melakukan jenayah keji itu.

Ketika membaca kenyataan impak mangsa, Siti berkata mangsa trauma dengan kejadian itu dan takut datuknya akan melakukan kesalahan itu lagi.

Mangsa juga menyatakan dia sangat marah dengan datuknya dan tidak suka dengan apa yang dilakukan oleh datuknya.

Dia berharap mahkamah menjatuhkan hukuman berat ke atas datuknya.

Mahkamah diberitahu bahawa ibu mangsa pergi ke rumah abangnya untuk mencari anak perempuannya.

Selepas tiba di sana, dia mengetuk pintu rumah beberapa kali dan selepas beberapa ketika bapanya (datuk mangsa) membuka pintu.

Ibu mangsa mendapati pakaian ayahnya tidak teratur. Dia kemudian pergi ke dapur dan mendapati anak perempuannya hanya memakai seluar dalam.

Lelaki itu memberitahu ibu mangsa bahawa mereka sedang minum kopi dan ketika itu abangnya tiada.

Kejadian itu terbongkar apabila mangsa mendedahkan bahawa datuknya telah merogolnya dan meletakkan alat sulitnya pada alat sulitnya.

Susulan laporan polis, lelaki itu ditangkap.